

Latih pelajar rasai sebenar alam pekerjaan di pasaran terbuka

# Kerjasama Felda D'Saji, UPM

Oleh MOHD. ZAINI SAMSU HADI  
zaini.hadi@kosmo.com.my

SERDANG – Felda D'Saji Sdn. Bhd. (Felda D'Saji) bakal melabur RM7 juta untuk membangunkan Pusat Pembangunan Acara yang bertujuan untuk melatih pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengikuti kursus kulinari terbabit dalam bidang pengurusan restoran dan acara.

Pengarah Eksekutif Kanan-nya, Ahmad Zaki Abdullah berkata, kawasan universiti itu akan dijadikan lokasi terbaik untuk pembangunan premis berkenaan dan ia mengambil masa selama 16 bulan untuk disiapkan.

"Felda D'Saji akan mendahulukan modal bagi membina pusat tersebut dan UPM merupakan universiti perintis bagi tujuan itu. Langkah yang sama akan diperluaskan kepada universiti awam dan swasta yang lain pada masa akan datang.

"Pusat ini juga bakal memberi pendedahan kepada kumpulan pelajar tersebut berhubung situasi sebenar alam pekerjaan di pasaran terbuka," katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani me-



AHMAD ZAKI (dua dari kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Mohd. Fauzi sambil diperhatikan oleh Suhaimi (tengah), Mohd. Yazid (kiri) dan Ahmad Nordin di Serdang semalam.

morandum persefahaman di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Felda D'Saji, Datuk Suhaimi Zainuddin; Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan; Pengurus Besar Kanan Felda D'Saji, Ahmad Nordin dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof. Dr. Mohd. Yazid Abd. Manap.

Selain itu, Ahmad Zaki me-

nerangkan, pusat yang dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan majlis dan restoran turut dibuka kepada pengunjung luar dan tidak terhad kepada warga universiti sahaja.

Tambah beliau, Felda D'Saji akan menguruskan operasi di pusat tersebut dan selepas ia siap, pusat tersebut akan diserahkan kepada UPM pada masa depan.

Sementara itu, Mohd. Fauzi berkata, UPM mengalu-alukan kerjasama strategik dengan Felda D'Saji daripada aspek akademik dan komersial dalam bidang perkhidmatan makanan.

Katanya, apa yang penting dalam kerjasama itu ialah pengalaman yang ditimba pelajar dalam mengendalikan bidang yang mereka ceburi.